

# Pengetua sekolah kluster perlu telus

U.M. M/S 4 17.1.07

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Pengetua-pengetua sekolah dalam kelompok kluster harus bersikap telus, terbuka dan tidak menyalahgunakan kuasa autonomi yang diberi dalam menguruskan institusi tersebut.

Presiden Majlis Permuafakatan PIBG Kebangsaan, Prof. Madya Mohd. Ali Hassan berkata, pemberian lebih autonomi terutama dalam pemilihan tenaga pengajar dan pelajar oleh pengetua patut mendapat persetujuan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Katanya, sebelum sesebuah sekolah diberi taraf kluster, kepimpinan pengetuanya perlu diambil perhatian, sama ada benar-benar bersedia menjalankan tanggungjawab yang besar itu.

"Pengetua perlu dilengkapi ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai dengan cabaran masa ini serta tidak menyalahgunakan kuasa, lebih terbuka, telus dan integriti kerana ia mempunyai tanggungjawab atau kuasa yang begitu besar dalam menentukan kecemerlangan sekolah tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang akan dijadikan garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh sepanjang tempoh lima tahun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

PIPP dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merupakan satu dokumen perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu, komprehensif dan menyeluruh tidak tertumpu pada satu jenis sekolah, lokasi dan kaum.

Menurut Mohd. Ali, pemilihan pengetua dan pihak pengurusan berdasarkan pengenalpastian PIBG adalah petanda yang baik dalam mendemokrasikan persatuan itu.

"Ia merupakan satu kerjasama yang terbaik dalam meningkatkan kepimpinan dan kecemerlangan sekolah," jelasnya.

Dalam pada itu, katanya, pembayaran gaji insentif serta elaun yang lebih tinggi kepada guru-guru di sekolah kluster, dikhuatiri akan menyebabkan timbul perasaan cemburu dan terkilan oleh guru-guru yang tidak terpilih untuk mengajar di sekolah tersebut.

"Fenomena ini ditakuti akan menyebabkan ketidakseimbangan antara guru-guru sekolah kluster dengan sekolah biasa. Ini berlaku kerana masing-masing ingin mengajar di sekolah tersebut, mengakibatkan kekurangan guru pakar di sekolah biasa.

"Walaupun cadangan itu wujud sebagai satu saingan kepada guru namun perlu ada garis panduan yang khusus supaya guru lain tidak rasa rendah diri," ujarinya.

Beliau tidak bersetuju dengan penawaran mata pelajaran di luar sistem kebangsaan seperti O-level dan A-level.

"Ini kerana seolah-olah sistem kebangsaan yang sedia ada tidak boleh dibanggakan walaupun mungkin tujuannya untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris.

"Perlu direnung kembali, apa perlu ambil peperiksaan luar, adakah peperiksaan yang ada sekarang tidak setaraf atau tidak boleh diterima oleh universiti luar negara?" tegasnya.

Beliau memberitahu, kebebasan untuk mendapat dana tambahan bagi menjana dan menguruskan kewangan adalah selari dengan yang dipakai oleh PIBG dan sekolah sekarang.

Namun, harapan beliau, ialah mesti ada ketelusan iaitu segala kutipan harus dilaporkan atau diaudit serta dihebahkan kepada umum terutama kepada penderma.

"Saya takut sekolah-sekolah ini akan berlumba-lumba untuk mengutip derma bagi mengisi tabung sehingga menjejaskan prestasi sekolah tersebut," katanya.